



MEMO

Bilangan : **20/2022**

Kepada : **Semua pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara , UKM**

Daripada : **Cik Nur Shamim binti Hamzah**
Puan Hawa Aqilah binti Hamuzan
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar
Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM

Salinan kepada : **Prof. Madya Dr. Rorlinda binti Yusof**
Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Encik Mohd Hakimie bin Zainal Abidin
Timbalan Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Puan Siti Aishah binti Hassan
Ketua Kolej, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM

Tarikh : 27 Jun 2022 (Isnin)



PEMAKLUMAN TARIKH PULANG SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILADHA DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAJAR KOLEJ GENIUS@Pintar NEGARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan tarikh pulang bersempena perayaan Hari Raya Aidiladha dan Prosedur Operasi Standard pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara (KGPN), UKM.
- 1.2 Memo ini berpandukan kepada Kalendar Akademik Tahun 2022/2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2.0 Cuti Sempena Perayaan Hari Raya Aidiladha 2022

- 2.1 **SEMUA** pelajar di KGPN, UKM akan bercuti pada **9 Julai 2022** sehingga **11 Julai 2022**.
- 2.2 Semua pelajar KGPN, UKM akan pulang ke kediaman/penempatan masing-masing pada **8 Julai (Jumaat)** mulai jam **12.30 tengah hari** dari **KGPN** dan **1.00 tengah hari** dari **Kolej Pendeta Za'aba** hingga jam **6.00 petang**.
- 2.3 Pelajar-pelajar yang mengalami kekangan untuk pulang ke penempatan masing-masing boleh berjumpa dengan Penyelaras Hal Ehwal Pelajar.

3.0 Tanggungjawab Pelajar

- 3.1 Pelajar **DILARANG** meninggalkan makanan basah di dalam bilik masing-masing semasa pulang bercuti.
- 3.2 Pelajar **DILARANG** meninggalkan makanan di pantri dan **WAJIB** mengosongkan peti sejuk sebelum pulang bercuti.
- 3.3 Pelajar **DILARANG** meninggalkan pakaian di dalam bilik menggosok, bilik membasuh, tandas dan ampaian semasa pulang bercuti.
- 3.4 Barang-barang berharga yang ditinggalkan di bilik adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab pelajar. Pihak kolej **TIDAK AKAN** bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang tersebut.
- 3.5 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** pulang sekiranya pelajar gagal meninggalkan bilik dan asrama dalam keadaan yang bersih, kemas dan teratur.



- 3.6 Pelajar **WAJIB** mengunci pintu dan menutup tingkap bilik sebelum pulang ke kediaman/penempatan masing-masing.
- 4.0 Pengangkutan Pelajar dan Pengurusan Kesihatan
- 4.1 Pihak kolej menggalakkan pelajar yang tinggal di negeri-negeri Semenanjung Malaysia untuk pulang/kembali dengan menaiki **kenderaan persendirian** ibu bapa/penjaga/pihak yang dipertanggungjawabkan masing-masing. Hal ini penting bagi mengurangkan risiko pelajar terdedah kepada jangkitan virus COVID-19 jika menaiki kenderaan awam.
- 4.2 Kenderaan yang digunakan untuk menjemput/menghantar pelajar perlulah diselenggara, berada dalam keadaan selamat dan disanitasi serta mempunyai pemandu kedua (bas yayasan/persatuan anak negeri).
- 4.3 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan yang **SIHAT** dan **TIDAK BERGEJALA** sahaja dibenarkan untuk menjemput/menghantar anak/anak jagaan.
- 4.4 Hanya **DUA** orang dalam kalangan ibu bapa/penjaga/pihak yang dipertanggungjawabkan dengan **IMUNISASI LENGKAP** sahaja dibenarkan menjemput/menghantar anak/anak jagaan.
- 4.5 Setiap pelajar **WAJIB** menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri sepanjang perjalanan.
- 5.0 Pengurusan Kaedah Pandu Lalu
- 5.1 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan hanya dibenarkan menjemput dan menghantar anak/anak jagaan di *check point* yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.
- 5.2 *Check point* pelajar asrama Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Bangi adalah di sepanjang **Lobi Utama Dewan Makan** dan Kolej Pendeta Za'aba adalah di Kawasan **Parking Blok B1** dan **Blok B2**.
- 5.3 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan **HANYA DIBENARKAN** mengambil/menghantar barangan anak di kawasan *check point* luar asrama dan **TIDAK DIBENARKAN** untuk masuk ke dalam bilik atau bangunan asrama sepanjang berada di kawasan kolej.



PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA • GENIUS@Pintar NATIONAL GIFTED CENTRE


- 5.4 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan adalah **DILARANG** untuk meletakkan kenderaan di kawasan larangan seperti di dalam perkarangan blok asrama, blok pembelajaran dan kompleks sukan. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya peraturan tersebut gagal dipatuhi oleh ibu bapa.

Kerjasama pihak ibu bapa/penjaga/pihak yang dipertanggungjawabkan dan para pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM dalam mematuhi perkara ini amatlah dihargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.




Kedudukan Stesen Pandu Lalu/Check Point Asrama KGPN





Kedudukan Stesen Pandu Lalu/Check Point Asrama



PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar